

NO. SOALAN : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 28 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan produk-produk "Pelancongan Islam", usaha-usaha menambah dan mempromosinya bagi menarik lebih ramai pelancong daripada Asia Barat dan menghuraikan keberkesanan usaha-usaha tersebut

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sektor pelancongan Islam di Malaysia yang menggunakan *tagline* "Mesra-Muslim" adalah bertepatan dengan ciri-ciri masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dan selari dengan amalan "Wasatiyah" atau "Moderation" yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia.

Malaysia sebagai sebuah "destinasi mesra muslim", telah menerima banyak pengiktirafan global. Antaranya, selama 4 tahun berturut-turut dari tahun 2011-2014, Malaysia telah dinobatkan sebagai destinasi terbaik bagi pelancong muslim di seluruh dunia oleh Crescentrating Pt. Ltd., sebuah portal pelancongan halai yang berpangkalan di Singapura.

Bagi tahun 2015 dan 2016, Malaysia telah menduduki tempat pertama dalam "Global Muslim Travellers Index (GMTI)" sebagai destinasi terbaik bagi pelancongan Islam oleh agensi Mastercard dan Crescentrating Pt. Ltd. Kuala Lumpur pula disenaraikan sebagai destinasi membeli belah kedua terbaik di dalam "Muslim Travel Shopping Index" (MTSI) selepas bandaraya Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Pulau Pinang pula meraih tempat ke sembilan dalam kategori yang sama sebagai destinasi membeli belah yang paling digemari oleh pelancong-pelancong Islam.

Dalam satu lagi laporan oleh syarikat rundingan New York Thomson Reuters yang bertajuk "*State Of The Gobal Islamic Economy Report for 2014/2015*", Malaysia telah turut dinamakan sebagai negara peneraju

pembangunan ekosistem ekonomi Islam yang terbaik bagi sektor pelancongan Islam.

Manakala pada tahun 2014, portal pelancongan antarabangsa, Tripadvisor telah menganugerahkan Muzium Kesenian Islam Malaysia (IAMM) di Kuala Lumpur sebagai destinasi pilihan pelancong (*Traveller's Choice Awards*) sebagai muzium paling popular di Malaysia dan berkedudukan ke-8 terbaik di Asia.

Pembangunan produk-produk pelancongan Islam seperti Pelancongan Masjid, penganjuran acara bertemakan Islam dan festival-festival tahunan Islam seperti Hari Raya dan Ramadan giat dijalankan oleh pihak Kementerian Pelancongan & Kebudayaan, Malaysia (KPK) menerusi agensinya seperti "Islamic Tourism Centre (ITC)", Tourism Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) disamping gandingan bersama agensi lain seperti JAKIM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan sebagainya.

Antara acara tahunan yang mendapat perhatian pelancong Islam adalah festival "Tilawah Alquran Antarabangsa" yang dianjurkan setiap tahun di Kuala Lumpur yang meraih banyak kunjungan pelancong Islam dari negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand, Brunei dan Filipina.

Mulai 2015, JKKN, agensi di bawah KPK, telah menganjurkan acara tahunan IFTAR@KL pada setiap hujung minggu sepanjang bulan Ramadan di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur. Program ini mengenengahkan pengisian seperti majlis berbuka puasa dan solat tarawih beramai-ramai, ceramah dan kuliah agama oleh tokoh agamawan tempatan dan antarabangsa, serta pameran-pameran

pelancongan Islam. Acara ini juga telah dikunjungi oleh bukan hanya pelancong Islam malah pelancong bukan Islam.

Dari segi ketibaan pelancong Islam pada tahun 2014, pihak *Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation of the Organization of Islamic Cooperation (COMSEC)* dalam laporannya yang dipetik dari sumber Laporan Cresentrating 2015 telah menganggarkan ketibaan pelancong Islam ke Malaysia pada tahun 2014 adalah sebanyak 5.27 juta pelancong. Manakala pada 2016 sebanyak 23 buah syarikat penerbangan negara-negara OIC khususnya mengadakan khidmat penerbangan terus ke KLIA. Ini menunjukkan kejayaan negara sebagai destinasi pelancongan yang menarik khususnya untuk pelancong-pelancong Islam.

Antara usaha promosi di luar negara ialah penyertaan tahunan di *Arabian Travel Market (ATM)* di bawah payung Tourism Malaysia. ATM merupakan satu acara tahunan pelancongan yang terbesar di Timur Tengah yang di adakan di Dubai, UAE dimana taklimat dan penerangan mengenai Muslim Friendly Malaysia diadakan disamping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi mesra muslim yang terunggul di dunia khususnya untuk pasaran Timur Tengah dan Asia Barat.

Kementerian juga giat memberi maklumat-maklumat mengenai aktiviti program mengenai "Muslim Friendly Malaysia" menerusi media social melalui laman web ITC (www.itc.gov.my) disamping akaun Facebook, Twitter dan Instagram ITC.

Sekian, terima kasih.